



**SEKOLAH KLUSTER KECEMERLANGAN  
SMK BANDAR UTAMA DAMANSARA (3)  
PERSIARAN UTAMA, BANDAR UTAMA  
47800 PETALING JAYA SELANGOR**

**Tel : 03-7727 6166**

**Fax: 03-7726 7199**

Ruj. Kami : SMKBU3/01/02/016(22)

Tarikh : 3 Oktober 2013

Yang dihormati Ibu Bapa/Penjaga,  
Pelajar-pelajar Tingkatan 3 (2013),  
SMK Bandar Utama Damansara (3),  
Petaling Jaya.

Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**Pakej Mata Pelajaran Tingkatan Empat Tahun 2014 dan SPM Tahun 2015**

Dengan segala hormatnya kami ingin menarik perhatian Dato'/Datin/Tuan/Puan kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa mulai tahun 2000 pelajar-pelajar lepasan SPM akan menerima Sijil Terbuka. Ciri-ciri Sijil Terbuka adalah seperti **LAMPIRAN 1**.

3. Semua calon SPM diwajibkan mengambil mata pelajaran wajib iaitu mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sejarah, Pendidikan Islam/Pendidikan Moral, matematik Moden dan \*Sains (\*untuk pelajar bukan aliran Sains). Mata pelajaran tambahan adalah berdasarkan pakej yang ditawarkan. Mulai 2010, calon dibenarkan mengambil maksimum 10 mata pelajaran sahaja.

4. AJK pemilihan mata pelajaran SMK Bandar Utama Damansara (3) telah memutuskan bahawa pakej mata pelajaran yang ditawarkan adalah seperti berikut:

<b>Pakej</b> <b>Subjek</b>	<b>Pakej 1</b> Sains Tulen	<b>Pakej 2</b> Akaun	<b>Pakej 3</b> Sastera
<b>Teras</b>	Bahasa Melayu Bahasa Inggeris Sejarah P.Moral / Agama Matematik	Bahasa Melayu Bahasa Inggeris Sejarah P.Moral / Agama Sains Teras Matematik	Bahasa Melayu Bahasa Inggeris Sejarah P.Moral / Agama Sains Teras Matematik
<b>Elektif</b>	Fizik Kimia Biologi Mat.Tambahan Bahasa Cina Bahasa Tamil	Prinsip Akaun Mat.Tambahan Bahasa Cina Bahasa Tamil	Perdagangan Pendidikan Seni Bahasa Cina Bahasa Tamil

5. Penempatan pakej mata pelajaran adalah berdasarkan syarat-syarat berikut:
- 5.1 Keputusan PMR (2013) diambil kira:
- Untuk **Pakej 1**: 6A ke atas dengan Gred AA (untuk mata pelajaran Sains dan Matematik), Gred AA (untuk mata pelajaran Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris) dan mata pelajaran lain sekurang-kurangnya B.
- Untuk **Pakej 2**: 4A ke atas dengan Gred AA/AB (untuk mata pelajaran Sains dan Matematik).
- Untuk **Pakej 3**: 2A ke atas dengan sekurang-kurangnya Gred BB (untuk mata pelajaran Sains dan Matematik).
- 5.2 Pelajar boleh membuat rayuan memohon pertukaran pakej dalam tempoh 3 hari tetapi mesti memenuhi syarat-syarat yang berikut:
- Permohonan pertukaran pakej hanya akan dilayan dengan jaminan ibu bapa dan keputusan prestasi pelajar dalam peperiksaan sekolah.
  - Surat akuan hendaklah ditandatangani oleh pelajar dan ibu bapa sebelum permohonan dilayan.
  - Semua rayuan untuk pertukaran pakej mesti mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan untuk pakej yang dinyatakan di 5.1.
- 5.3 Permohonan rayuan yang tidak mematuhi syarat-syarat 5.2 di atas TIDAK akan dilayan.
- 5.4 Keputusan semua rayuan hanya akan diumumkan selepas dua minggu.
6. Keputusan muktamad dan penempatan pelajar bergantung kepada kemudahan sekolah, kesediaan tempat dan pilihan yang bersesuaian dengan kelayakan pelajar.
7. Sekian untuk makluman Dato'/Datin/Tuan/Puan.

Terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,

**AZIZAH BINTI YUSOFF (PENGETUA)**

**INI ADALAH CETAKAN KOMPUTER , TANDATANGAN TIDAK DIPERLUKAN**